

D.R. 18/96

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Pacluka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1996. Tajuk ringkas.

2. Akta Cukai Perkhidmatan 1975, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 1 dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut: Pindaan seksyen 1. Akta 151.

" (1A) Akta ini tidaklah terpakai bagi kawasan yang dikenali sebagai Kawasan Pembangunan Bersama."

Pindaan
seksyen 2.

3. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas takrif "Kastam" takrif yang berikut:

' "Kawasan Pembangunan Bersama" mempunyai erti yane diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990;'.
Akta 440.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 1 Akta untuk memperuntukkan bahawa Akta Cukai Perkhidmatan 1975 tidaklah terpakai bagi kawasan yang dikenali sebagai Kawasan Pembangunan Bersama.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk memasukkan takrif bagi "Kawasan Pembangunan Bersama".

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN.(U²)1888.]